

TRANSFORMASI **MALAYSIA**

MENENTANG RASUAH

- Pegawai **SPRM** Mengorak Langkah Di **INTERPOL**
- Kerjasama **INTERPOL-SPRM** Bertambah Erat
- Perangi **Rasuah**
- Membina Kejayaan **MACA**

BPPR kepada SPRM

SPRM Penguatkuasa Pencegahan Rasuah yang Disegani di Rantau Asia

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menjadi tuan rumah bagi Persidangan dan Mesyuarat Agung Tahunan ke-6 Persatuan Pihak Berkuasa Anti Rasuah Antarabangsa (IAACA) pada 4 hingga 6 Oktober 2012 di Kuala Lumpur. Persidangan ini dihadiri delegasi-delegasi yang mewakili komuniti pencegahan rasuah di seluruh dunia. Mereka terdiri daripada 300 ahli organisasi dari 120 buah negara, termasuklah kira-kira lebih 1000 ahli individu yang merangkumi pendakwa, penyiasat dan pakar yang berpengalaman dalam kajian dan amalan pencegahan rasuah.

Persidangan IAACA 2012 ini memberi fokus dalam menggalakkan Bantuan Teknikal dan Pertukaran Maklumat merentasi sempadan. Ianya menjadi platform kepada para peserta untuk mempertimbangkan isu-isu seperti latihan dan bantuan teknikal, pengumpulan, pertukaran dan penganalisaan maklumat mengenai rasuah serta memberi peluang untuk berkongsi amalan, teknik dan pengalaman.

Penasihat Pencegahan Rasuah Serantau (Asia) Daniel Eric Stonecipher kagum dengan kebolehan SPRM mengendalikan acara tersebut. Menurut Stonecipher, Persidangan IAACA 2012 telah membuktikan bahawa SPRM telah melakukan sesuatu yang sangat signifikan dan bermakna dalam menentang rasuah di peringkat rantau dan global, bukan sahaja dalam bidang penyiasatan tetapi juga langkah-langkah pencegahan.

“Saya kagum dengan usaha tulus ikhlas yang dilakukan oleh SPRM dan saya percaya ianya satu usaha yang sangat berharga di rantau Asia Tenggara ini. Malaysia sememangnya memainkan peranan penting dalam memperlihatkan kepimpinannya dalam bidang ini,” kata Stonecipher yang juga merupakan ahli Persatuan Undang-undang Inisiatif Kesatuan Kehakiman Amerika dalam satu sidang akhbar.

Usaha memerangi rasuah haruslah dilakukan dengan metodologi; anda perlu memberi perhatian yang terperinci terhadap aktiviti-aktiviti di mana rasuah sering berlaku. Stonecipher berkata terdapat banyak negara telah kecundang dalam menangani rasuah. Walau bagaimanapun, di bawah kepimpinan Datuk Seri Abu Kassim Mohamed, SPRM telah membuktikan cabaran tersebut boleh diselesaikan melalui cara yang terperinci dan selaras yang boleh memberikan kesan yang dapat dilihat.

“Anda pasti akan gagal sekiranya anda tidak mengambil pendekatan yang strategik dan bertindak secara taktikal sepertimana yang dilakukan oleh SPRM,” dia berkata.

Kelemahan dalam undang-undang sedia ada membataskan SPRM dalam melaksanakan penyiasatannya. Stonecipher menegaskan tiada satu negara pun di dunia ini yang tidak mempunyai kelemahan tersebut termasuklah Amerika Syarikat. Namun begitu, pihak berkuasa pencegahan rasuah yang kuat seperti SPRM akan sentiasa mencari jalan

untuk memperbaiki undang-undang pencegahan rasuah di mana perlu, tambahhya.

Dunia sekarang membolehkan aktiviti jenayah berlaku di mana-mana malah pemindahan wang boleh dilakukan tanpa meninggalkan rumah. Penjenayah-penjenayah mengambil kesempatan di atas kelemahan kerajaan yang lazimnya lambat bertindak terhadap jenayah merentasi sempadan kerana ianya perlu dilakukan menerusi ‘saluran yang betul’. Maka ianya, terpulang kepada pihak berkuasa pencegahan rasuah di negara sempadan untuk menjalinkan hubungan kerjasama dan seterusnya dapat bertindak pantas dan berkesan dalam membanteras jenayah merentasi sempadan. Mereka seharusnya boleh berkomunikasi dan bertindak dengan segera tanpa dihalangi isu-isu kedaulatan dan birokrasi.

“Dalam hal ini, selaku agensi pencegahan rasuah kebangsaan, SPRM telah menjadi peneraju dalam menggalakkan pertukaran maklumat dan kerjasama dalam masa sebenar,” kata beliau.

Pengiktirafan Antarabangsa SPRM

Malaysia merupakan ahli pengasas Persatuan Pihak Berkuasa Anti Rasuah Antarabangsa (IAACA) yang mempunyai lebih daripada 300 ahli organisasi dan lebih daripada 2000 ahli individu yang termasuk para pendakwa, penyiasat, pakar serta penyelidik pencegah rasuah. Ketua Pesuruhjaya SPRM adalah Ahli Jawatankuasa Eksekutif IAACA. SPRM diberi penghormatan sebagai tuan rumah yang menganjur dan mengendalikan Persidangan dan Mesyuarat Agung Tahunan Keenam IAACA yang di adakan di Kuala Lumpur pada 4 hingga 7hb Oktober 2012.

Datuk Seri Abu Kassim merupakan ahli Lembaga Penasihat Akademik bagi Akademi Pencegahan Rasuah Antarabangsa (IACA) yang berpusat di Laxenburg, Austria. Ketua Pesuruhjaya SPRM itu juga telah dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Ahli Lembaga Pengelola (Board of Governors) IACA di Perhimpunan Pertama Parti yang diadakan pada 30 November di Bangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Kemunculan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) sebagai pusat latihan bertaraf antarabangsa telah dipertingkatkan dengan penubuhan Lembaga Penasihat Antarabangsa bagi memudahkan kerjasama MACA-IACA dalam menjalankan Program Pengajian Sarjana dalam Pencegahan Rasuah yang akan dilancarkan pada 9 Disember 2012 sempena Hari Anti Rasuah Sedunia. Sebahagian dari Program Sarjana Antarabangsa ini akan dijalankan di kampus MACA.

Institut Ethisphere yang berpusat di New York telah menyenaraikan Ketua Pesuruhjaya SPRM di dalam senarai ‘100 Teratas’ (Top 100) orang paling berpengaruh dalam kategori ‘Kerajaan dan Pengawalseliaan’. Pengiktirafan ini meletakkan SPRM di kedudukan yang terkenal di kalangan agensi penguatkuasaan undang-undang pencegahan rasuah antarabangsa.

Melalui usaha gigih SPRM, Malaysia diiktiraf dan dihormati di peringkat global dalam memerangi rasuah. Ini terbukti apabila beberapa inisiatif yang diperkenalkan oleh NKRA Menentang Rasuah dan dilaksanakan SPRM dan agensi penguatkuasaan lain telah diterima pakai oleh agensi pencegahan rasuah di negara lain. Di samping itu, delegasi Malaysia juga telah dijemput menghadiri tujuh forum pencegahan rasuah peringkat global pada 2012.

Dalam laporan 2011 Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah badan itu telah mengesyorkan taraf Ketua Pesuruhjaya SPRM dinaikkan kepada peringkat yang setanding dengan Akauntan Negara, Ketua Audit Negara dan Hakim, di mana mereka dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

Dalam usaha memerangi rasuah, semua orang merupakan pejuang. Perjalanannya mencabar, sukar dan masih jauh. Namun usaha-usaha gigih Kerajaan telah meletakkan Malaysia di landasan yang betul.





Pakar antarabangsa Puji Usaha Pencegahan Rasuah SPRM

Usaha Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk mengadakan hubungan kerjasama, berkongsi amalan-amalan baik dan bertukar idea serta maklumat dengan badan-badan pencegahan rasuah antarabangsa telah mendapat pujian daripada pengasas bersama Transparency International Michael J. Hershman.

Hershman yang merupakan salah seorang penceramah utama di Persidangan Persatuan Pihak Berkuasa Anti Rasuah Antarabangsa (IAACA) yang dianjurkan oleh SPRM di Kuala Lumpur baru-baru ini berkata memandangkan rasuah menjadi semakin trans-nasional, perkongsian pengalaman, amalan-amalan baik dan maklumat dengan rakan-rakan sejawat di negara lain adalah salah satu aspek penting dalam memerangi rasuah.

“Jika kita ingin menangani masalah rasuah secara global, ianya memerlukan kerjasama di antara kerajaan-kerajaan, persatuan-persatuan sivil dan perniagaan. Oleh itu, usaha menemukan pihak-pihak berkuasa dan pengamal-pengamal pencegahan rasuah dari seluruh dunia di bawah satu bumbung seperti yang dilakukan SPRM merupakan inisiatif sangat penting yang perlu diberi pengiktirafan,” kata Hershman.

Hershman yang merupakan bekas penyiasat kanan Jawatankuasa Senat Amerika Syarikat dalam kes ‘Watergate’, telah menulis mengenai usaha SPRM dalam melibatkan komuniti perniagaan dan persatuan-persatuan sivil dalam usaha-usaha pencegahan rasuah dalam blognya. Sehubungan itu, syarikat-syarikat swasta

dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) digalakkan menandatangani Ikrar Integriti atau mengadakan Persepakatan Integriti. Pendekatan ini telah menunjukkan kejayaan memandangkan ramai yang secara sukarela telah melakukan Ikrar Integriti, tulis beliau dalam blognya di www.huffingtonpost.com

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) telah beralih fokus bukan hanya kepada penguatkuasaan dan pematuhan, tetapi juga terhadap pendidikan pencegahan yang termasuk pengumuman perkhidmatan awam, lawatan ke sekolah dan latihan pencegahan rasuah bagi pegawai penguatkuasa dalam Malaysia dan juga di rantau ini, catat Hershman.

Hershman juga akui kerajaan Malaysia telah berusaha meningkatkan ketelusan dan kebebasan dalam memerangi rasuah. Penubuhan empat belas mahkamah khas rasuah yang bertujuan untuk membicarakan setiap kes rasuah dalam tempoh 12 bulan serta peningkatan penggunaan proses e-perolehan dalam perolehan kerajaan telah banyak membantu mengurangkan peluang berlakunya rasuah, katanya. “Kerajaan Malaysia terbukti serius dalam memerangi rasuah apabila baru-baru ini ianya telah meningkatkan peruntukan kewangan untuk SPRM memerangi rasuah dengan lebih berkesan,” kata Hershman kepada pemberita pada konvensyen tersebut.

Apabila ditanya mengenai peranan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam memerangi rasuah, Hershman, yang kini presiden dan ketua

pegawai eksekutif Kumpulan Fairfax yang berpangkalan di Washington berkata, walaupun NGO mempunyai peranan yang amat penting dalam peperangan menentang rasuah, mereka tidak boleh campur tangan dalam penyiasatan kerana ini adalah di bawah kuasa kerajaan.

Hershman turut berkongsi kepakaran dan pengalamannya dengan beberapa kerajaan termasuk Kerajaan Malaysia dalam proses transformasi kerajaan (GTP). Beliau juga memberi khidmatnya kepada syarikat dan institusi kewangan antarabangsa mengenai isu-isu yang berkaitan etika perlakuan pegawai kanan mereka dan juga pegawai kanan di entiti yang mempunyai hubungan perniagaan.

Hershman mengingatkan media tentang peranan kritikal mereka dalam menggalakkan penyiasatan dengan mendedahkan apa yang perlu disiasat. Tetapi ini mestilah dilakukan secara berhemah, katanya.

Mengenai isu rasuah yang sering dipolitikkan terutama menjelang pilihanraya, Hershman berkata dengan kebebasan bersuara hendaklah disertai dengan tanggungjawab untuk bercakap benar.

“Bercakap mengenai rasuah, anda perlulah berwaspada dengan apa yang hendak dikatakan dan bagaimana cara mengatakannya. Tuduhan yang tidak berasas akan menjejaskan kredibiliti ahli politik jika ianya tidak benar,” kata Hershman.

MENANGANI PERSEPSI RAKYAT TERHADAP INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN



Seramai 900 pegawai dari pelbagai agensi penguatkuasaan kerajaan telah menyertai Konvensyen Integriti Nasional 2012 yang bertemakan ‘Menangani Persepsi Rakyat Terhadap Integriti Agensi Penguatkuasaan’ di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 6 November 2012. Acara tersebut yang diadakan sempena Hari Integriti Kebangsaan yang dianjurkan oleh Institut Integriti Malaysia (IIM), Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selaku penganjur bersama.

Dalam ucapan pembukaan, Pengerusi IIM Datuk Seri Ali Hamsa selaku Ketua Setiausaha Negara berkata, konvensyen tersebut amat tepat pada masanya kerana kerajaan sedang berusaha untuk membawa transformasi kepada semua sektor masyarakat termasuk perkhidmatan awam. Ali Hamsa percaya acara tersebut pasti memberi manfaat kepada para peserta.

Mantan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Ahmad Fuad Ismail, Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) Tan Sri Lee Lam Thye dan Ketua Pengarah Kastam Malaysia Datuk Khazali Ahmad antara yang hadir membentangkan pendapat dan cadangan di dalam forum ‘Penguatkuasaan Berintegriti: Halangan dan Cabaran’, dikendalikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif EAIC, Nor Afizah Hanum selaku moderator.

Peserta konvensyen juga berpeluang berkongsi pendapat di dalam enam sesi bengkel yang dijalankan serentak berhubung isu-isu: mengoptimum penggunaan sumber manusia, ke arah koordinasi penguatkuasaan yang lebih berkesan, campur tangan ghaib... isu dan penyelesaian, isu kelewatan dan tiada tindakan, penguatkuasaan terpilih dan tidak mesra pelanggan, serta isu rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Antara resolusi yang dibentangkan dan diterima pakai di akhir konvensyen adalah keperluan mendesak untuk menjalankan audit menyeluruh ke atas piawai prosedur operasi (SOP) agensi-agensi penguatkuasaan seluruh negara dalam memastikan isu-isu berkaitan pertindihan tanggungjawab, keperluan arahan yang perlu dibuat secara bertulis – terutamanya yang melibatkan pembatalan aktiviti penguatkuasaan, dan juga arahan untuk memastikan tiada gangguan luaran yang boleh mengganggu tugas pegawai-pegawai penguatkuasaan.

Menurut Timbalan Presiden IIM Dr A Bakar Sarpon, menangani resolusi tersebut boleh membantu menepis sebarang persepsi negatif awam terhadap agensi penguatkuasaan.

Sementara itu, Pengerusi EAIC Helilliah Datuk Mohd Yusof menggesa agensi-agensi penguatkuasaan memberi sokongan sebulat suara serta bekerjasama dengan EAIC dalam usaha meningkatkan persepsi awam terhadap integriti agensi penguatkuasaan kerana ianya penting dalam memastikan sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap.

Pelan Integriti Nasional Malaysia (NIP) yang

dilancarkan pada 2004, menyasarkan untuk menjadikan integriti sebagai satu cara hidup, memperkukuhkan nilai moral masyarakat dan negara di samping meningkatkan kesejahteraan masyarakat, daya saing dan daya tahan negara dalam menghadapi cabaran globalisasi.

Selain konvensyen dan sesi bengkel, aktiviti-aktiviti Hari Integriti Nasional juga membabitkan pameran oleh IIM dan agensi penguatkuasaan serta pertandingan dan kuiz integriti untuk pelajar-pelajar.

Sasaran Integriti:

Lima sasaran Integriti ialah:

1. Mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa secara berkesan;
2. Meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi karenah birokrasi;
3. Meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan;
4. Memantapkan institusi keluarga dan komuniti; dan
5. Meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat.

PEMBUDAYAAN INTEGRITI DALAM MASYARAKAT MALAYSIA

Pelan Integriti Nasional mengandungi strategi bagi meningkatkan amalan integriti dan etika yang baik di dalam segmen masyarakat Malaysia seperti berikut:

KELUARGA : Menanam nilai-nilai murni dan amalan baik bermula dari rumah

KOMUNITI: Interaksi sosial sesama ahli komuniti membantu menguatkan lagi identity berdasarkan nilai-nilai tradisional.

MASYARAKAT SIVIL : Kerjasama erat di antara badan bukan kerajaan (NGOs), sector swasta dan pihak kerajaan akan meningkatkan integriti

INSTITUSI AGAMA : Di dalam negara yang berbilang bangsa seperti Malaysia, agama memainkan peranan penting dalam menggalakkan Integriti di peringkat individu, masyarakat dan bangsa.

INSTITUSI SOSIO-BUDAYA : Pendidikan, media massa, kesihatan, rekreasi, seni dan sains adalah sebahagian daripada aspek yang dapat memperkaya sosial budaya negara.

INSTITUSI POLITIK: Integriti di dalam system politik berdemokrasi di Malaysia adalah penting untuk pembangunan dan kestabilan negara.



Akademi Pencegahan Rasuah Antarabangsa (IACA) yang beribu pejabat di Vienna telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk bersama-sama menjalankan sebahagian daripada program pengajian IACA dalam Sarjana Pencegahan Rasuah di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA).

Ketua Pesuruhjaya SPRM Datuk Seri Abu Kassim Mohamed menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Martin Kreutner, yang mempengerusikan Pasukan Peralihan Antarabangsa Akademi Pencegahan Rasuah Antarabangsa (IACA) selain menjadi Setiausaha Eksekutif Suruhanjaya Sementara; di Persidangan & Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Pihak Berkuasa Anti Rasuah Antarabangsa Ke-6

(IAACA) yang dianjurkan oleh SPRM di Kuala Lumpur pada awal Oktober baru-baru ini.

Program Sarjana Pencegahan Rasuah IACA, akan dilancarkan pada 9 Disember 2012 sempena Hari Anti Rasuah Sedunia. Program pengajian antarabangsa ini merangkumi gabungan pendidikan pelbagai bidang dan sektor bagi membantu para profesional diperingkat pengurusan dan kepimpinan agar menjadi lebih peka dalam mengenalpasti tingkah laku dan gejala salah laku rasuah serta masalah social yang berkaitan dengannya.



MACA, IACA Jalin Kerjasama Jalankan Program Antarabangsa Sarjana Pencegahan Rasuah

Program pengajian ini dirangka khas untuk memberikan kemahiran dan meningkatkan kefahaman peserta ke arah usaha memerangi rasuah dan langkah pencegahan yang berkesan. Mereka juga berpeluang untuk menjalinkan hubungan profesional yang boleh membantu mereka semasa dan selepas pembelajaran.

Program selama 24 bulan ini mengandungi tujuh modul, di mana setiap satunya akan mengambil masa 12 hari. Modul-modul ini merangkumi konsep dan teori rasuah, rasuah dan ekonomi; politik dan rasuah; perniagaan dan rasuah, perundangan pencegahan rasuah; penguatkuasaan; dan pencegahan.

“Ianya merupakan program sarjana global yang pertama seumpamanya,” kata Kreutner dalam taklimat media selepas majlis menandatangani perjanjian.

Kenapa Pula SPRM?

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia sentiasa aktif dalam berkongsi pengalamannya dengan pihak berkuasa pencegahan rasuah negara lain di forum-forum antarabangsa. Selain itu, SPRM

kerap menganjurkan pelbagai program latihan dan bengkel untuk penguatkuasa pencegahan rasuah dari seluruh dunia. Bagi memberikan sudut dan perspektif global terhadap usaha pencegahan rasuah ini, IACA sememangnya berminat untuk bekerjasama dengan negara-negara yang komited, dan Malaysia memenuhi kriteria tersebut, kata Kreutner.

“SPRM mempunyai reputasi yang baik di kalangan komuniti pencegahan rasuah. Ianya terkenal dengan sifat dedikasi dan proaktifnya dalam berkongsi pengetahuan dan bertukar maklumat dengan agensi pencegah rasuah lain. Saya berterima kasih kepada SPRM dan MACA kerana sudi menjadi rakan kongsi rapat dalam usaha menentang dan mencegah rasuah di peringkat antarabangsa,” katanya.

Menurut Kreutner, Malaysia merupakan salah satunya negara yang mempunyai akademi pencegahan rasuahnya sendiri di mana pihak berkuasa pencegahan rasuahnya secara aktif berkerjasama dan berkongsi pengalaman dengan badan-badan berkuasa pencegahan rasuah yang lain di peringkat global.

“Saya berbesar hati dengan keputusan IACA untuk menjadikan MACA sebagai tuan rumah bagi modul penguatkuasaan di kampus Kuala Lumpur. Kursus ini bukan hanya dikendalikan oleh pensyarah dan profesor dari IACA, tetapi juga oleh pengamal pencegahan rasuah dari negara-negara lain, termasuk Malaysia,” katanya.

IACA merupakan sebuah organisasi antara kerajaan yang ditubuhkan oleh Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Dadah dan Jenayah (UNODC), Pejabat Anti Penipuan Eropah (OLAF), Republik Austria dan pihak berkepentingan lain. Ia ditubuhkan berdasarkan perjanjian pelbagai hala yang dikenali sebagai Perjanjian Penubuhan Akademi Pencegahan Rasuah Antarabangsa sebagai organisasi antarabangsa. Perjanjian ini telah ditandatangani oleh SPRM pada 2 September 2010.

Ahli-ahli IACA terdiri daripada 61 entiti di mana 58 darinya adalah Negara Anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan tiga lagi organisasi antara kerajaan. Datuk Seri Abu Kassim Mohamed adalah ahli jawatankuasa eksekutif Lembaga Penasihat Akademik Antarabangsa IACA.

Pegawai SPRM Mengorak Langkah Di INTERPOL



Penolong Kanan Pesuruhjaya SPRM Hafaz Nazar

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), mendapat kepercayaan di peringkat antarabangsa apabila salah seorang pegawainya yang berpengalaman di lintik untuk berkhidmat di INTERPOL baru-baru ini. Penolong Kanan Pesuruhjaya SPRM Hafaz Nazar telah melaporkan diri sebagai Pegawai Perisikan Jenayah di Sub-Direktorat Pencegahan Rasuah INTERPOL beribu pejabat di Lyon, Perancis pada 1 Mei 2012 untuk tempoh dua tahun. Beliau akan melapor terus kepada Penolong Pengarah Sub-Direktorat Pencegahan Rasuah INTERPOL, Saravanasamy Jaganathan.

Menurut Pengarah Siasatan SPRM, Datuk Mustafar Ali, ini merupakan julung kali pegawai SPRM ditempatkan di INTERPOL untuk satu tempoh masa yang lama. Sebelum ini mereka semua hanya bertugas untuk tempoh yang singkat sahaja di organisasi polis antarabangsa itu. Selain meningkatkan pengiktirafan SPRM di mata dunia, perlintikannya untuk tempoh yang lama memberi peluang kepada SPRM dalam menjalinkan perkongsian yang strategik dengan INTERPOL, katanya.

“Dengan menempatkan pegawai kami di INTERPOL ia membuktikan bahawa organisasi

tersebut mengiktiraf integriti, pengalaman dan sumbangan SPRM dalam usahanya memerangi rasuah sepanjang empat dekad yang lalu,” Mustafar berkata dalam sidang akhbar baru-baru ini.

Sementara di sana, Hafaz akan menjadi perantara bagi pertukaran maklumat di antara kedua-dua entiti ini. Beliau juga berpeluang untuk membetulkan mana-mana maklumat atau persepsi yang tidak tepat mengenai SPRM yang berkemungkinan disebarkan melalui rangkaian antarabangsa, kata Mustafar.

Saravanasamy menyatakan penghargaannya terhadap Hafaz di atas kepakaran dan sumbangan pegawai SPRM itu kepada Sub-Direktorat walaupun baru bertugas selama lima bulan. Bercakap kepada pemberita di Persidangan & Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Pihak Berkuasa Anti Rasuah Antarabangsa Ke-6 (IAACA) yang dianjurkan oleh SPRM di Kuala Lumpur pada awal Oktober 2012 baru-baru ini, Saravanasamy berkata pengalaman Hafaz dalam penyiasatan kewangan dan mengesan pegaliran wang rasuah merupakan aset yang penting untuk INTERPOL.

Tugas Pegawai Perisikan Jenayah INTERPOL

1. Mengetahui, menjalin dan mengekalkan hubungan baik dengan pakar-pakar perisikan jenayah rasuah.
2. Menganjur dan mengambil bahagian dalam program-program latihan, mesyuarat dan persidangan kumpulan pakar
3. Memantau dan menganalisa maklumat.
4. Mengetahui pasti ancaman jenayah utama yang berpotensi memberi kesan global.
5. Menjalinkan kerjasama strategik dengan organisasi dan institusi yang berkaitan
6. Mencari remedi dan amalan terbaik dalam menyelesaikan masalah yang mengesahkan keberkesanan agensi penguatkuasaan undang-undang.
7. Menyediakan laporan perisikan untuk disalurkan kepada negara-negara anggota.
8. Menjadi rujukan bagi negara ahli yang memerlukan bantuan atau nasihat.
9. Membantu negara ahli melaksanakan perjanjian dan konvensyen anti rasuah antarabangsa, terutamanya Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Menentang Rasuah (UNCAC)
10. Menjadi pegawai tetap di Sekretariat Am dari masa ke masa.

Saravanasamy yang membentangkan kertas kerja dalam salah satu bengkel semasa Konvensyen IAACA tersebut berkata, Hafaz juga turut mengaturkan satu bengkel latihan pembangunan kapasiti untuk agensi pencegahan rasuah di benua Afrika yang dijadualkan berlangsung selama seminggu dari 17 hingga 23 Disember di Nairobi.

Selain itu, Hafaz juga membantu Pengurus Projek Sub-Direktorat Pencegahan Rasuah INTERPOL, Arnaud Tasciyan dalam menyenaraikan nama dan maklumat pakar-pakar pencegahan rasuah di seluruh dunia di bawah “Inisiatif Pemerolehan Aset yang Dicuri” INTERPOL (StAR Initiative). Inisiatif StAR ini memastikan pegawai yang di tugaskan untuk menjalankan siasatan tahu siapa perlu dihubungi sekiranya mereka mengesyaki pesalah rasuah memindahkan dana ke luar negara yang kini di luar bidang kuasanya dan dikhuatiri kehilangan jejak.

“Kebolehan Hafaz dalam mengenal pasti pegawai-pegawai yang patut disenaraikan untuk dihubungi merupakan satu sumbangan besar di bawah inisiatif StAR,” kata Saravanasamy.

Menurut Saravanasamy, pelantikan Hafaz ke INTERPOL dapat memberi keuntungan bersama bagi INTERPOL dan SPRM di mana SPRM berkongsi pengetahuan dan kepakarannya dalam penyiasatan kewangan, manakala Hafaz pula mendapat pendedahan kepada amalan baik dalam inisiatif pencegahan rasuah di seluruh dunia dan seterusnya boleh memperkembangkan amalan tersebut ke Malaysia.

“Hanya segelintir negara sahaja yang mendapat peluang ini,” kata Saravanasamy.

Selain daripada Malaysia, India dan Bulgaria juga turut menghantar pegawai pencegahan rasuah mereka untuk berkhidmat di INTERPOL. Saravanasamy sendiri berkhidmat di Pusat Biro Penyiasatan India di New Delhi sebelum dipinjamkan ke INTERPOL.

INTERPOL adalah organisasi polis antarabangsa terbesar dunia. Fungsi utamanya ialah menyokong agensi-agensi penguatkuasa undang-undang di 190 negara anggota dalam menangani pelbagai aktiviti jenayah. INTERPOL mempunyai rangkaian sistem komunikasi canggih dikenali sebagai I-24/7 yang membekalkan pangkalan data bagi rekod-rekod jenayah seluruh dunia. Ianya boleh diakses oleh badan penguatkuasa negara-negara anggotanya pada bila-bila masa. Dalam masa yang sama, Sub-Direktorat Pencegahan Rasuah INTERPOL turut terlibat dalam membentuk beberapa inisiatif bagi memerangi rasuah dan menggalakkan pelaksanaan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Menentang Rasuah (UNCAC). Matlamatnya adalah untuk melatih, menyokong dan menyelaras individu yang terlibat dalam penguatkuasaan undang-undang melalui pelbagai program membangunkan keupayaan bagi memerangi rasuah.

Menurut Penolong Pengarah Sub-Direktorat Pencegahan Rasuah INTERPOL, Saravanasamy Jaganathan kerjasama antara INTERPOL dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semakin erat. Ketua Pesuruhjaya SPRM Datuk Seri

pendekatan pencegahan rasuah yang berbeza antara negara-negara.

SPRM juga telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) dengan INTERPOL bagi pertukaran sumber dua hala dari segi kepakaran dan juga bahan-bahan untuk pembangunan kapasiti antara INTERPOL dan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA). MoU tersebut membolehkan MACA memberi bantuan dari segi kepakaran dan silabus untuk kursus-kursus pencegahan rasuah yang dianjurkan oleh INTERPOL di peringkat antarabangsa dan sebaliknya.

SPRM telah meminjamkan salah seorang pegawai terbaiknya kepada INTERPOL dimana Penolong Kanan Pesuruhjaya SPRM Mohd Hafaz Nazar telah melaporkan diri sebagai Pegawai Siasatan Jenayah di Sekretariat Am INTERPOL di Lyon, Perancis pada 1 Mei 2012. Hafaz yang akan berkhidmat selama dua tahun dengan INTERPOL melapor terus kepada Saravanasamy. Beliau membawa bersama pengalaman yang banyak dalam pembangunan keupayaan, penyiasatan kewangan dan mengesan aliran kewangan. Beliau juga telah menganjurkan satu bengkel latihan selama seminggu

Inisiatif StAR

Dilancarkan pada tahun 2007, Inisiatif StAR membantu negara-negara membangun mendapatkan semula aset yang diseleweng oleh pemimpin yang terlibat dalam rasuah. StAR menganggarkan jumlah wang rasuah yang disogok kepada penjawat awam dari negara membangun dan negara pengantara adalah di antara USD 20 bilion dan USD 40 bilion setahun.

Kisah-kisah Kejayaan

Selepas bertungkus-lumus selama 18 tahun akhirnya pada Januari 2004, kerajaan Filipina dapat mengambil semula wang berjumlah USD 624 juta yang disimpan oleh Ferdinand Marcos di Swiss Bank.

Sehingga 2004, Peru telah berjaya mendapatkan semula hampir USD 180 juta yang diseleweng oleh Vladimiro Montesinos daripada beberapa negara termasuk Switzerland, Kepulauan Cayman dan Amerika Syarikat.

Antara tahun 2005 dan 2006, Nigeria berjaya mendapatkan semula USD 505 juta wang Sani Abacha yang telah dibekukan dan dirampas oleh pihak berkuasa Switzerland.

Pada Julai 2006, pihak berkuasa British memulangkan USD 1.9 juta yang diseleweng oleh gabenor negeri Bayelsa, Diepreye Alamieyeseigha di Nigeria yang kaya dengan hasil minyak,

Pada Mei 2007, satu perjanjian dimeterai antara kerajaan Amerika Syarikat, Switzerland dan Kazakhstan telah membenarkan penghantaran balik USD 84 juta.

Pada bulan Februari 2009, Pengarah Urusan Kumpulan Bank Dunia, Ngozi Okonjo-Iweala, memuji tindakan Switzerland memulangkan kembali aset bernilai USD 6 juta yang diseleweng oleh bekas Presiden Jean-Claude Duvalier ke Haiti

Kerjasama INTERPOL-SPRM Bertambah Erat

Abu Kassim Mohamed merupakan ahli Kumpulan Pakar INTERPOL Berkaitan Rasuah (IGEC) selama 12 tahun dan telah banyak menyumbang dalam menghasilkan Manual Amalan Baik untuk pencegahan rasuah dan prosedur pengambilan semula aset. IGEC merupakan kumpulan pelbagai disiplin yang membantu memudahkan koordinasi dan mengharmonikan

untuk agensi pencegahan rasuah di benua Afrika yang dijadualkan pada 17 hingga 23 Disember 2012 di Nairobi. Selain daripada itu, Hafaz juga membantu Pengurus Projek Sub-Direktorat Pencegahan Rasuah INTERPOL Arnaud Tasciyan dalam menyenaraikan nama dan maklumat pakar-pakar pencegah rasuah di seluruh dunia di bawah "Inisiatif Pemerolehan Aset yang Dicuri" INTERPOL (StAR Initiative).

Pangkalan data tersebut menyenaraikan pegawai dan pakar di pelbagai negara yang boleh dihubungi untuk mendapatkan bantuan sekiranya perlu. Ianya dapat menyelaraskan komuniti penguatkuasaan undang-undang antarabangsa dengan lebih baik dalam usaha untuk menyiasat dan mendakwa individu yang terlibat dalam penyelewengan dana awam. Matlamat utamanya adalah memastikan bahawa para pegawai yang ditugaskan mengetahui siapa yang

patut dihubungi untuk mendapatkan bantuan segera, seperti apabila mereka mengesyaki pesalah rasuah memindahkan dana ke luar negara yang kini di luar bidang kuasanya dan dikhuatiri kehilangan jejak.

"Hanya beberapa negara anggota terpilih telah meminjamkan pegawai mereka dan INTERPOL benar-benar menghargai bantuan tersebut," Saravanasamy berkata pada sidang akhbar ketika Persidangan & Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Pihak Berkuasa Anti Rasuah Antarabangsa Ke-6 (IAACA) yang dianjurkan oleh SPRM di Kuala Lumpur baru-baru ini. Saravanasamy merupakan salah seorang penceramah pada Persidangan IAACA untuk bengkel 'Perbezaan Pendekatan: Siasatan Sektor Swasta & Awam'.

Saravanasamy berkhidmat di Pusat Biro Penyiasatan India di New Delhi sebelum dipinjamkan ke INTERPOL.

Mengulas mengenai kepentingan Persidangan IAACA untuk INTERPOL, Saravanasamy berkata ia merupakan platform terbaik bagi INTERPOL memperkenalkan peralatan, perkhidmatan dan keupayaannya, serta memberi peluang kepada agensi-agensi pencegahan rasuah negara-negara anggota memanfaatkan kepakaran INTERPOL.

Melalui perjumpaan sebegini peserta-peserta dapat menyuarakan kesulitan yang mereka hadapi dan berkongsi masalah secara terbuka. Perkongsian secara terbuka ini amat penting bagi pembangunan kapasiti, jika tidak, kita semua akan bekerja secara bersendirian tanpa mengetahui masalah yang dihadapi masing-masing, katanya.

"Kami dapat mengetahui masalah yang dihadapi oleh agensi-agensi terbabit dalam pentadbiran mereka sendiri samada dalam lingkungan penguatkuasaan mereka ataupun siasatan yang melangkaui sempadan. Kemudiannya INTERPOL akan mencadangkan penyelesaian yang boleh diguna pakai," tambah beliau.



INTERPOL
Penolong Pengarah Sub-Direktorat
Pencegahan Rasuah
Jaganathan Saravanasamy

NKRA DALAM MENANGANI RASUAH

Kejayaan Dan Pencapaian 2011

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Najib Tun Razak telah melancarkan Program Transformasi Kerajaan (GTP) pada 2009 untuk mentransformasikan Malaysia menjadi negara maju menjelang 2020. GTP adalah pelan sembilan tahun yang terbahagi kepada tiga segmen selama tiga tahun setiap satunya. Segmen itu terdiri daripada GTP 1.0 (2010-2012), GTP 2.0 (2013-2015) dan GTP 3.0 (2016-2020).

Inisiatif di bawah GTP 1.0 pada mulanya tertumpu kepada enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang perlu diberikan perhatian. Pada Julai 2011 NKRA yang ketujuh – Mengenalpasti Kenaikan Kos Sara Hidup telah diperkenalkan. Setiap NKRA mempunyai Indeks Petunjuk Prestasi Negara (NKPI) yang merupakan sasaran khas yang perlu dicapai dalam jangka masa yang ditetapkan. Inisiatif GTP 1.0 tertumpu kepada usaha kerajaan untuk menjayakannya manakala GTP 2.0 menasaskan penglibatan proaktif badan bukan kerajaan, sektor korporat dan masyarakat umum. Jika semua berjalan dengan lancar, transformasi sebagai yang diimpikan Wawasan 2020 akan menjadi kenyataan apabila GTP 3.0 bermula.

Negara yang dibelenggu rasuah tidak mungkin boleh maju. Dengan itu NKRA Membanteras Rasuah ditubuhkan bagi menangani rasuah serta menyediakan ekosistem yang bersesuaian untuk memerangi rasuah sehingga ke peringkat akar umbi. Pada tahun pertama GTP dilaksanakan, NKRA Memerangi Rasuah merupakan NKRA ketiga terbaik. Di antara kejayaannya ialah melancarkan Pangkalan Data 'Name and Shame' yang menyenaraikan 284 pesalah rasuah, membangunkan portal e-Perolehan, menggariskan parameter untuk Surat Sokongan berhubung dengan kelulusan dan permohonan berkaitan kerajaan, Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan pelaksanaan Persepakatan Integriti.

Berikutan kejayaan awal ini, penanda aras bagi tahun 2011 telah dinaikkan. Matlamat yang lebih besar telah diperkenalkan. Antara inisiatif-inisiatif baru ialah menyediakan garis panduan dalam pemberian ganjaran dan pengiktirafan kepada penjawat awam yang melaporkan kegiatan rasuah, menganjurkan kempen pencegahan rasuah bagi menerapkan nilai-nilai murni, menggalakkan budaya benci rasuah, menyediakan khidmat 'hotline' Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan menerbitkan buku kecil Pembaharuan Perkhidmatan Awam bagi mewujudkan kesedaran, menjadikan sistem dan proses lebih telus sekaligus

mengurangkan salah guna kuasa daripada berlaku.

Pada 2 April 2012, Jabatan Perdana Menteri telah mengeluarkan Laporan Tahunan Program Transformasi Kerajaan 2011 yang menyenaraikan kejayaan dan pencapaian sepanjang tahun itu. Menurut Pengarah NKRA Membanteras Rasuah (Bahagian Pemantauan dan Penyelarasan), Datuk Hisham Nordin, NKPI berjaya mencapai 11 daripada 14 sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2011 walaupun hanya menggunakan 60 peratus daripada bajetnya. Di antara tujuh NKRA, NKRA Membanteras Rasuah dipilih sebagai NKRA kedua terbaik 2011.

Indeks Akauntabiliti Perolehan		
NKPI 2011	Sasaran	Pencapaian
Bilangan Kementerian yang mencatat skor lebih daripada 90% dalam Indeks Akauntabiliti Perolehan	18	19

Indeks Akauntabiliti Perolehan mengukur tahap ketelusan dalam perolehan kerajaan. NKRA Membanteras Rasuah memerlukan Kementerian kerajaan mengekalkan skor lebih daripada 90 peratus dalam Indeks Akauntabiliti Perolehan. 13 Kementerian kerajaan persekutuan berjaya mencapai sasaran 2010. Bagi sasaran tahun 2011 pula jumlah Kementerian yang memperolehi skor Indeks Akauntabiliti Perolehan lebih daripada 90 peratus di naikkan kepada 19. 18 Kementerian berjaya mencapainya.

Nisbah Tangkapan yang dibicarakan		
NKPI 2011	Sasaran	Pencapaian
Bilangan tangkapan yang dibicarakan	20%	23.7%

Meskipun SPRM cepat bertindak terhadap pesalah rasuah ini tidak bermakna semua pesalah rasuah yang ditangkap akan didakwa di mahkamah. Walau bagaimanapun, NKPI baru bagi tahun 2011 menasaskan 20 peratus daripada tangkapan jenayah rasuah didakwa di mahkamah. SPRM telah berjaya membawa 23.7 peratus daripada pesalah rasuah yang ditangkap ke mahkamah. Lebih daripada 424 kes telah diproses dan 249 kes telah dibicarakan di 14 mahkamah khas rasuah. Hisham menegaskan bahawa statistik boleh menjadi 'serampang dua mata'. Tangkapan yang banyak akan memberi persepsi bahawa rasuah berleluasa di negara ini sebaliknya tangkapan yang terlalu sedikit akan memberi gambaran seolah-olah pihak berkuasa tidak cekap dalam menjalankan tugas.

Ikrar Integriti Korporat (CIP)		
NKPI 2011	Sasaran	Pencapaian
Syarikat yang terlibat dengan Projek Permulaan (EPP) di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang telah menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP).	70%	64%

Ikrar Integriti Korporat digubal pada Mac 2011. Ianya merupakan satu usahasama di antara Institut Integriti Malaysia (IIM) dan SPRM untuk melibatkan penyertaan organisasi korporat dalam menegakkan integriti dalam polisi, proses dan prosedur organisasi mereka. Dengan menandatangani CIP, syarikat-syarikat berkenaan membuat

pengisytiharan unilateral bahawa tidak akan melakukan rasuah di dalam urusan niaga mereka, sekali gus menandakan era baru penglibatan sektor awam dan swasta dalam membanteras rasuah. 64 syarikat telah menandatangani CIP pada tahun 2011 berbanding sasaran 70 peratus yang ditetapkan.

Pangkalan Data Pesalah Rasuah		
NKPI 2011	Sasaran	Pencapaian
Bilangan orang yang disenaraikan dalam pangkalan data pesalah rasuah	100	496

Untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai akibat buruk jenayah rasuah, nama dan gambar pesalah rasuah dipaparkan di laman web SPRM www.sprm.gov.my selama tempoh maksimum tiga tahun. Pangkalan data ini mempunyai butir-butir kesalahan dan penalti yang telah dikenakan. Ia juga menjadi sumber rujukan bagi Jabatan Imigresen, industri perbankan dan kedutaan asing untuk

permohonan yang berkaitan dengan permit masuk, perkhidmatan kewangan dan visa kemasukan. NKPI 2011 menasaskan 100 nama ditambah dalam pangkalan data tersebut. SPRM telah berjaya menambah 496 nama.

Bilangan Saman oleh PDRM		
NKPI 2011	Sasaran	Pencapaian
Bilangan saman dikeluarkan oleh PDRM disetiap jam operasi	12	12.41

Mengikut NKPI 2011 purata 12 saman perlu dikeluarkan bagi setiap jam operasi. Ini bertujuan untuk membendung amalan rasuah semasa sekatan jalan raya oleh PDRM. Secara purata pihak polis

telah mengeluarkan 12.41 saman setiap jam operasi.

Barometer Rasuah Global TI (TI GCB)		
NKPI 2011	Sasaran	Pencapaian
Kaji selidik terhadap usaha kerajaan untuk membanteras rasuah	50%	49%

Barometer Rasuah Global telah diperkenalkan pada tahun 2003. Ia merupakan satu-satunya kaji selidik pendapat awam secara global mengenai rasuah. Lebih dari 100,000 orang dari 100 negara ditanya mengenai pandangan mereka terhadap tahap rasuah di negara mereka serta usaha-usaha yang telah dijalankan oleh kerajaan

mereka dalam memerangi rasuah. Kaji selidik ini juga menyelongkar kekerapan berlakunya rasuah, alasan memberi rasuah pada tahun lepas, dan sikap terhadap melaporkan insiden rasuah. NKPI 2011 menasaskan 50 peratus daripada responden melengkapkan kaji selidik Barometer Rasuah ini. Pencapaian sebenar adalah sebanyak 49 peratus.

Persepakatan Integriti (IP)		
NKPI 2011	Sasaran	Pencapaian
Peratusan perolehan kerajaan dengan Persepakatan Integriti	80%	77%

Semasa Persepakatan Integriti dalam perolehan kerajaan dilaksanakan pada April 2010, ia hanya meliputi akujanji dan pengisytiharan antara pihak-pihak utama dalam proses perolehan kerajaan. Pada Disember 2010, syarat ini telah diperluaskan kepada

individu dan pegawai awam mengikut peringkat dan jenis kontrak. NKPI 2011 menasaskan IP dilaksanakan dalam 80 peratus daripada perolehan kerajaan. Jumlah sebenar yang dicapai adalah hampir 77 peratus.

IAACA 2012 - Delegasi Brunei

Hargai Inisiatif SPRM



Delegasi Brunei yang mengambil bahagian dalam Persidangan Tahunan dan Mesyuarat Agung Tahunan ke-6 Persatuan Pihak Berkuasa Anti Rasuah Antarabangsa (IAACA) baru-baru ini telah merakamkan penghargaan mereka kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap usaha dan inisiatifnya dalam menganjurkan acara berkenaan. Peguam Negara Brunei Datin Seri Paduka Hayati Awang Mohammad Salleh berkata, acara tersebut adalah satu forum yang baik untuk bertukar maklumat dan berkongsi pengalaman serta amalan-amalan baik ke arah memerangi rasuah yang kini menjadi satu fenomena global.

“Penyertaan yang ramai membuktikan SPRM mendapat sokongan penuh komuniti pencegah rasuah antarabangsa dan perkara yang dibincangkan dalam bengkel-bengkel adalah sangat baik dari segi pertukaran maklumat dan meningkatkan pengetahuan,” kata Hayati.

Sementara itu, Pengarah Biro Mencegah Rasuah Brunei (BMR) Mohd Juanda Abd.Rashid bersetuju bahawa dengan hadirnya tokoh-tokoh pencegah rasuah dalam bidang penguatkuasaan, pendakwaan dan kehakiman telah membuka peluang yang baik untuk menggalakkan kerjasama dalam memerangi jenayah rasuah antara sempadan.

Juanda sangat menghargai bantuan dan kerjasama yang diberikan SPRM kepada Brunei. Ramai pegawai BMR yang mendapat manfaat hasil daripada program pembangunan kapasiti yang diadakan oleh Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), katanya.

“Kerjasama rapat antara BMR dan SPRM telah pun terjalin selama 30 tahun iaitu sejak BMR ditubuhkan pada tahun

1982,” Juanda memberitahu pemberita di persidangan tersebut.

Sejak tahun 2002, BMR dan SPRM telah menjalankan mesyuarat tahunan untuk mengenal pasti dan mencari penyelesaian yang berkesan dalam menangani kegiatan jenayah di sempadan. Kerjasama erat membolehkan kedua-dua agensi membasmi penyeludupan dan aktiviti-aktiviti haram melangkaui sempadan.

Menurut Juanda, BMR dan SPRM telah berjaya menumpaskan beberapa cubaan rasuah melangkaui sempadan seperti penyeludupan bahan api, pendatang haram dan juga amalan memberi rasuah kepada pegawai-pegawai pengangkutan. Pegawai-pegawai BMR juga telah dilatih oleh SPRM tambahnya lagi.


Bagi memperingati hubungan erat di antara kedua-dua agensi pencegahan rasuah ini, SPRM secara rasminya telah menamakan bilik mesyuarat tahunan BMR-SPRM itu ‘Bilik Brunei’ semasa mesyuarat dua hala ke-8 yang telah

“Penyertaan yang ramai membuktikan SPRM mendapat sokongan penuh komuniti pencegah rasuah antarabangsa”

Profesor Robert Klitgaard merupakan tenaga akademik di Universiti Harvard, Karachi dan Durban. Beliau juga adalah juru runding strategi ekonomi dan reformasi institusi di 21 buah negara di Asia, Afrika dan Amerika Latin. Beliau dikenali sebagai pakar memerangi rasuah oleh banyak pihak berkuasa dan pegawai-pegawai pencegahan rasuah. Buku-buku mengenai rasuah yang dihasilkan oleh Klitgaard telah mendapat pengiktirafan antarabangsa. Baru-baru ini beliau telah menyampaikan ceramah bagaimana membina kejayaan di

baik untuk berjaya dalam memerangi rasuah. Tetapi untuk mencapai kejayaan, beliau mengingatkan supaya tidak terlalu bergantung kepada pengamal-pengamal pencegah rasuah dalam menjalankan kuliah. Ini adalah kerana walaupun mereka tahu selok belok tugas mereka, mereka tidak semestinya mampu menyampaikan pengetahuan mereka secara berkesan sebagaimana pengajar profesional. Oleh itu, kursus-kursus MACA harus disampaikan oleh tenaga pengajar yang terlatih.

Tiada negara yang bebas dari skeptisisme dalam usaha membanteras rasuah. Sentiasa akan ada orang yang meragui atau mengambil sikap tidak peduli. Untuk menyakinkan mereka, MACA perlu uar-uarkan kisah-kisah kejayaannya. Klitgaard mencadangkan setiap satu bidang iaitu pemeriksaan, penyiasatan, dan pendidikan



Membina Kejayaan MACA

Profesor Robert Klitgaard

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) kepada pegawai-pegawai kanan di MACA.

Klitgaard berkata pada pengetahuannya, MACA adalah satu-satunya agensi pencegahan rasuah di dunia yang melatih bukan sahaja pegawai-pegawai penguatkuasa pencegah rasuah kebangsaan tetapi juga kakitangan-kakitangan dari agensi-agensi kerajaan dan sektor korporat. MACA kini telah mengorak langkah dalam menyediakan kursus-kursus pencegahan rasuah di peringkat antarabangsa dan serantau. Beliau percaya bahawa melalui usahasiswa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan MACA, Malaysia mempunyai peluang yang

Kaedah pembelajaran di MACA harus dilakukan seperti di Harvard Business School di mana pelajar dikehendaki mengkaji kes-kes tertentu dan memberi penjelasan mengenai apa yang betul atau salah dalam kes tersebut. Dengan cara ini anda dapat mengenal pasti prinsip-prinsip yang boleh diguna pakai dalam kehidupan harian dan di tempat kerja.

“Anda perlu menjadikan kursus ini menarik, boleh diguna pakai dan memberi inspirasi disertai dengan contoh dan testimoni orang yang terlibat dengan kes-kes rasuah. Ini hanya boleh dilakukan oleh pensyarah profesional,” kata Klitgaard.

masyarakat perlu menonjolkan dua kisah kejayaan.

“Terdapat syarikat-syarikat, agensi-agensi dan kementerian-kementerian yang telah berjaya hasil dari melakukan perubahan. Untuk menghilangkan perasaan sinis rakyat Malaysia, pamerkan kejayaan-kejayaan anda kepada mereka. Jelaskan juga kepada mereka siapa yang melakukan penilaian antarabangsa yang mana tanggapan mereka sudah ketinggalan zaman. Ia mengambil masa yang lama untuk Transparency International mengubah fikirannya sehinggalah anda menunjukkan kepada mereka kejayaan-kejayaan ini,” tambah Klitgaard.

“Tiada negara yang bebas dari skeptisisme dalam usaha membanteras rasuah. Sentiasa akan ada orang yang meragui atau mengambil sikap tidak peduli. Untuk menyakinkan mereka, MACA perlu uar-uarkan kisah-kisah kejayaannya.”

Profesor Robert Klitgaard, Pakar Anti Rasuah Dunia

Laporan Interim Inisiatif Pencegahan Rasuah Malaysia

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) telah mengeluarkan Laporan Interim mengenai Inisiatif Pencegahan Rasuah Malaysia di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) pada 26 Nov 2012. Laporan 55-muka surat yang dilancarkan oleh mantan Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi, adalah satu pendekatan dalam mengumpul maklumat tentang inisiatif menentang rasuah di Malaysia oleh pelbagai agensi, kumpulan dan organisasi sejak beberapa dekad yang lalu.

Laporan bertajuk 'Memerangi Rasuah: Memahami Inisiatif Pencegahan Rasuah di Malaysia' ini dihasilkan bersama oleh dua penyelidik di IDEAS dan diketuai oleh

Fellow Kanan, Anis Yusal yang juga merupakan ahli Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah SPRM. Laporan ini dilengkapi dengan analisis mengenai punca, kos dan implikasi rasuah di Malaysia, termasuk semakan terhadap inisiatif pencegahan rasuah yang dijalankan oleh SPRM.

Laporan terbahagi kepada enam fasal: menghuraikan kerugian yang disebabkan oleh rasuah; menceritakan keseluruhan usaha pencegahan rasuah di Malaysia sejak kemerdekaan tahun 1957; menonjolkan inisiatif pencegahan rasuah sejak lapan tahun lalu, menilai keberkesannya, serta menyediakan kesimpulan dan cadangan untuk penambahbaikan. Lanya juga menyenaraikan buku-buku dan artikel-artikel jurnal terpilih tentang pencegahan rasuah dan integriti.

Menurut laporan tersebut, usaha memerangi rasuah diibaratkan seperti "lain padang lain belalang". Usaha yang menggunakan strategi negara lain tanpa mengambil kira punca dan konteks tempatan berkemungkinan akan gagal. Mengikut penulis, strategi yang

berjaya di Hong Kong dan Singapura tidak semestinya akan membawa hasil yang sama di Malaysia.

Walaupun bagaimanapun kajian-kajian yang dijalankan umumnya bersetuju bahawa rangka kerja dan strategi pencegahan rasuah di Malaysia adalah komprehensif dan terperinci. Mengikut laporan itu, langkah-langkah ini mungkin tidak mencukupi. Pihak pencegahan rasuah harus juga memberi focus kepada pempolitan birokrasi serta polisi etnik di dalam politik dan dasar awam.

Para penyelidik mendapati bahawa persepsi orang ramai seperti yang diukur oleh Indeks Persepsi Rasuah (CPI) dan data sebenar yang dikumpul adalah tidak setara. Skor CPI menyatakan keadaan sangat buruk sedangkan data yang dikumpul menunjukkan ianya tidaklah sedemikian. "Kajian ringkas kami menunjukkan bahawa kadar pelaburan, kadar pertumbuhan, serta kadar pembangunan manusia di Malaysia telah berkembang. Ini tidak mungkin berlaku sekiranya Malaysia dibelenggu rasuah seperti yang digambarkan CPI," kata Anis.

Ketidaksetaraan ini mungkin disebabkan kecenderungan ahli-ahli politik tertentu melemparkan tuduhan bahawa pihak lawan lebih korup sebagai satu strategi untuk memenangi pilihan raya. Jelas sekali tuduhan ini adalah untuk kepentingan mereka sendiri. Maka tidak hairanlah pertelingkahan ini telah menyebabkan persepsi bahawa tahap rasuah di Malaysia lebih tinggi dari hakikatnya.

Usaha pencegahan rasuah di Malaysia bermula pada tahun 1957. Seorang pegawai polis berpangkat tinggi dari Pakistan bernama Shah Nazir Alam telah dijemput untuk menjalankan kajian untuk menangani rasuah di Tanah Melayu. Dalam laporannya yang dikemukakan pada tahun 1958, Shah Nazir membuat beberapa saranan. Lapan daripadanya bertujuan untuk memupuk sifat kejujuran dan integriti dalam kanak-kanak pada usia persekolahan. Para penyelidik merasakan pendekatan yang mudah dan melibatkan kumpulan sasar secara langsung iaitu melalui program televisyen dan radio; buku cerita, majalah dan komik; serta menyediakan kaunter layan diri di sekolah-sekolah dan institusi terpilih masih sesuai digunakan sehingga ke hari ini.

Anis Yusal dan pasukan penyelidiknyanya mendapati bahawa selain mengurangkan rasuah, cabaran terbesar yang dihadapi kerajaan Malaysia adalah meyakinkan para peniaga dan orang awam bahawa rasuah sedang ditangani secara serius. Menurut para penyelidik, inisiatif-inisiatif yang dijalankan tidak mencukupi dalam menangani punca rasuah di Malaysia secara berkesan. Inisiatif ini juga terjejas akibat pertindihan, duplikasi dan fokus yang kurang



mendalam. Maka itulah orang awam tidak yakin bahawa kerajaan serius dalam menangani rasuah walaupun banyak dan pelbagai inisiatif telah dilaksanakan.

Kita memerlukan jawatankuasa kerja antara agensi di peringkat Persekutuan untuk selaraskan inisiatif dan strategi semua agensi yang ditugaskan untuk membanteras rasuah. Jawatankuasa ini dapat mengelakkan pertindihan dan pembaziran sumber serta memastikan kesan dan hasil yang jelas.

Biar pun dengan kelemahan ini, skor Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Malaysia 2012 telah bertambah baik. Pada 6 Disember, Presiden Transparency International Malaysia (TI-M) Datuk Paul Low mengumumkan Malaysia berada di tangga 49 daripada 100 dalam skor CPI dan tersenarai di kedudukan 54 daripada 176 negara. Ini suatu peningkatan yang ketara berbanding di tangga 43 daripada 100 pada tahun sebelumnya. Malaysia berada di tempat ketiga di Asia Tenggara dan ke-54 di dunia.

Walaupun bagaimanapun para penyelidik IDEAS ini mengesyorkan bahawa Bidang Keberhasilan Utama Kebangsaan (NKRA) Memerangi Rasuah tidak hanya menumpukan usaha terhadap menyelaraskan program-program di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP)

sahaja tetapi juga perlu melakukannya untuk agensi-agensi lain. Mereka menyarankan SPRM agar menumpukan sumbernya dalam memperbaiki pengesanan, pemeriksaan, penyiasatan dan prestasi, sementara Institut Integriti Malaysia (IIM) pula memberi fokus kepada inisiatif pendidikan awam.

IDEAS yang dilancarkan pada 8 Feb 2010 merupakan organisasi bebas yang tidak berasaskan keuntungan. Lanya adalah kumpulan pemikir pertama di Malaysia ditubuhkan khas untuk menyarankan penyelesaian bagi cabaran-cabaran dasar awam. Pada 8 Jan 2012, IDEAS telah disenaraikan sebagai kumpulan pemikir baru terbaik ke-13 di dunia di dalam senarai Kedudukan Kumpulan Pemikir Global yang dikeluarkan University of Pennsylvania di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kaji selidik ini melibatkan 6,545 pemikir dari 182 buah negara. Pada tahun 2010 ia mendapat tempat ke-18.

Laporan interim ini diterbitkan dengan harapan ia akan menjana perdebatan yang membina dan dapat memberi maklum balas yang berkesan terhadap isu-isu dibangkitkan. Para penyelidik berkenaan mengalu-alukan maklum balas dan cadangan sebelum 31 Disember 2012. Laporan ini akan dimuktamadkan untuk penerbitan pada awal 2013.





Lakukan dengan **Betul**
biarpun ianya **Sukar**

TEGRITI Integriti Integriti
Integriti INTEGRITI
Integriti INTEGRITI In
Integriti INTEGRITI Integriti
INTEGRITI
Integriti INTEGRITI
Integriti INTEGRITI

